

GARIS PANDUAN PENGECUALIAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PENGAJIAN SEPARUH MASA (SPACE) IJAZAH SARJANA MUDA DI SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM, FAKULTI KEJURUTERAAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

- Pelajar yang layak memohon dan dipertimbangkan untuk pengecualian Latihan Industri adalah mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 1. Pelajar lepasan diploma, dan
 2. Pengalaman kerja industri melebihi 12 bulan di dalam bidang berkaitan kejuruteraan awam pada tahap yang bersesuaian.
- Permohonan boleh di buat pada setiap semester pada waktu yang telah ditetapkan oleh pihak SPACE, Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)
- Pelajar perlu mengemukakan laporan pengecualian latihan industri mengikut format yang telah ditetapkan dan disahkan oleh majikan.
- Pelajar juga mesti memenuhi syarat temuduga yang akan di lakukan oleh panel penemuduga yang dilantik oleh pihak SPACE, SKA
- Pada setiap semester calon pelajar akan diberi taklimat berkaitan syarat, format dan kandungan laporan yang perlu dihantar
- Salinan taklimat boleh diperolehi sebagai panduan menulis laporan pengecualian industri
- Permohonan pengecualian pada semester yang dipilih perlu diselesaikan pada semester tersebut. Sekiranya laporan akhir yang lengkap tidak dihantar pada semester tersebut pelajar perlu memohon dan menghantar kembali laporan dan ditemuduga sekali lagi pada semester yang lain.

GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PENGAJIAN SEPARUH MASA (SPACE) IJAZAH SARJANA MUDA DI SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM, FAKULTI KEJURUTERAAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

- Pelajar yang tidak memperolehi atau tidak layak memohon pengecualian Latihan Industri perlu mengikuti Latihan Industri dengan syarat yang sama seperti pelajar sepenuh masa (perdana)
- Pelajar perlu mencari syarikat yang bersesuaian, memohon dan menjalankan latihan industri di syarikat yang berkaitan dengan Kejuruteraan Awam
- Tempoh masa latihan industri adalah tidak kurang daripada 12 minggu.
- Pelajar perlu merujuk buku panduan latihan industri seperti yang boleh diperolehi di laman web SPACE SKA.
- Pelajar perlu mengisi logbook harian yang akan disahkan oleh penyelia di syarikat pelajar menjalankan Latihan industri.
- Panel penemuduga akan menemuduga pelajar yang menjalani latihan industri dan berbincang dengan penyelia latihan industri pelajar berkaitan prestasi pelajar tersebut.
- Pelajar perlu menyiapkan dan menghantar laporan selepas tamat Latihan industri untuk dinilai oleh panel yang dilantik.